

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 JULY 2016

Gerakan baharu ibarat air berkocak dalam cawan

BH - 16/7/2016

Kuala Lumpur: Penubuhan pakatan baharu diterajui Tun Dr Mahathir Mohamad lebih memberikan ancaman kepada PKR, bukannya UMNO, kata Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS (PPP), Dr Mohd Zuhdi Marzuki.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, berkata apabila Dr Mahathir menggerakkan parti baharu, sekali gus menerajui pakatan pembangkang, ia memberi mesej bahawa legasi Datuk Seri Anwar Ibrahim bakal menjadi sejarah.

“Apabila Anwar dipinggirkan daripada kepemimpinan pembangkang dengan penampilan Dr Mahathir, PKR juga akan menerima nasib sama menjadi sejarah,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Tak mampu bertahan lama

Mohd Zuhdi berkata, berdasarkan rekod sejarah parti serpihan yang ditubuhkan bekas pimpinan utama UMNO, seperti Parti Negara yang ditubuhkan Datuk Onn Jaafar dan Semangat 46 yang ditubuhkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah dengan sokongan Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn, tidak mampu bertahan lama.

“Semua parti ini hanya bergema sekejap umpama ‘air berkocak dalam cawan’ dan tidak mampu membawa gelombang besar,” katanya.

Beliau berkata, sebagaimana Dr Mahathir pernah menggelarkan pakatan pembangkang sebagai pakatan cacamarba, selayaknya pakatan baharu itu juga diberi gelaran itu.

Ketandusan strategi

Sementara itu, penganalisis politik, Prof Madya Dr Azmi Hassan, berkata pengumuman pakatan baharu membuktikan kelompok itu semakin ketandusan strategi un-

tuk menumbangkan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Beliau berkata pengumuman itu juga memberi manifestasi bahawa matlamat perjuangan pembangkang sering berubah semata-mata menjayakan kepentingan politik individu tertentu, sekali gus meng-

heret pemimpin pembangkang mengikut rentak individu terbabit.

Katanya, dengan Pakatan Harapan yang masih wujud, perkembangan terkini itu dilihat sebagai usaha ke arah pembikinan legasi bekas Perdana Menteri dalam perancangan politik pembangkang.



Keratan akhbar
BH, semalam.